

BAHAGIAN A

Setiap item, dari SOALAN 1 hingga SOALAN 23, diberikan empat pilihan. Hanya satu daripada empat pilihan itu yang betul. Lorek jawapan yang betul dan tulis angka jawapan kamu dalam kertas OAS yang disediakan.

IMBUHAN (20 markah)

Arahan : Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

<p>Gotong-royong adalah satu amalan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu sejak dahulu lagi. Lazimnya, gotong-royong ini (1) _____ kerja-kerja secara sukarela seperti kerja-kerja kebajikan.</p> <p>Kerja-kerja (2) _____ dilakukan pada hari cuti umum atau pada hari Ahad. Hari-hari seperti itu (3) _____ kerana ramai orang tidak bekerja. (4) _____ tenaga yang lebih banyak akan (5) _____ sesuatu kerja itu mudah dilakukan.</p> <p>Seiring dengan kemajuan sains dan teknologi, semangat gotong-royong dalam (6) _____ masyarakat bandar semakin hilang. Hanya masyarakat desa yang masih (7) _____ teguh pada adat ini. Apa yang sesetengah orang (8) _____ ialah suatu masa nanti semangat bergotong-royong akan pupus sama sekali.</p> <p>Oleh itu, (9) _____ sedikit masa agar kita dapat meraih (10) _____ bersama-sama. Bak kata pepatah, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.</p>	<table><tr><td>1</td><td>(1) libatkan (3) penglibatan</td><td>(2) melibatkan (4) terlibat</td></tr><tr><td>2</td><td>(1) disebut (3) sebutan</td><td>(2) menyebut (4) tersebut</td></tr><tr><td>3</td><td>(1) dipilih (3) pemilih</td><td>(2) memilih (4) terpilih</td></tr><tr><td>4</td><td>(1) Bergabung (3) Gabungan</td><td>(2) Digabung (4) Menggabungkan</td></tr><tr><td>5</td><td>(1) buatan (3) membuat</td><td>(2) dibuat (4) pembuat</td></tr><tr><td>6</td><td>(1) digolong (3) menggolongkan</td><td>(2) golongan (4) tergolong</td></tr><tr><td>7</td><td>(1) berpegang (3) pegangan</td><td>(2) dipegang (4) pegangkan</td></tr><tr><td>8</td><td>(1) dikhuatirkan (3) khuatiri</td><td>(2) kekhuatiran (4) mengkhuatirkan</td></tr><tr><td>9</td><td>(1) luangkan (3) peluang</td><td>(2) meluangkan (4) terluang</td></tr><tr><td>10</td><td>(1) beruntung (3) menguntungkan</td><td>(2) keuntungan (4) peruntungan</td></tr></table>	1	(1) libatkan (3) penglibatan	(2) melibatkan (4) terlibat	2	(1) disebut (3) sebutan	(2) menyebut (4) tersebut	3	(1) dipilih (3) pemilih	(2) memilih (4) terpilih	4	(1) Bergabung (3) Gabungan	(2) Digabung (4) Menggabungkan	5	(1) buatan (3) membuat	(2) dibuat (4) pembuat	6	(1) digolong (3) menggolongkan	(2) golongan (4) tergolong	7	(1) berpegang (3) pegangan	(2) dipegang (4) pegangkan	8	(1) dikhuatirkan (3) khuatiri	(2) kekhuatiran (4) mengkhuatirkan	9	(1) luangkan (3) peluang	(2) meluangkan (4) terluang	10	(1) beruntung (3) menguntungkan	(2) keuntungan (4) peruntungan
1	(1) libatkan (3) penglibatan	(2) melibatkan (4) terlibat																													
2	(1) disebut (3) sebutan	(2) menyebut (4) tersebut																													
3	(1) dipilih (3) pemilih	(2) memilih (4) terpilih																													
4	(1) Bergabung (3) Gabungan	(2) Digabung (4) Menggabungkan																													
5	(1) buatan (3) membuat	(2) dibuat (4) pembuat																													
6	(1) digolong (3) menggolongkan	(2) golongan (4) tergolong																													
7	(1) berpegang (3) pegangan	(2) dipegang (4) pegangkan																													
8	(1) dikhuatirkan (3) khuatiri	(2) kekhuatiran (4) mengkhuatirkan																													
9	(1) luangkan (3) peluang	(2) meluangkan (4) terluang																													
10	(1) beruntung (3) menguntungkan	(2) keuntungan (4) peruntungan																													

(lihat halaman sebelah) ↩

PERIBAHASA (10 markah)

Arahan : Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini.

<p>Rasif dan Firas merupakan jiran satu blok. Mereka mengenali satu sama lain sejak kecil lagi. Hubungan mereka (11) <u>bagai isi dengan kuku</u>. Mereka tidak pernah berselisih faham atau berkelahi. Mereka juga sentiasa (12) <u>bersefahaman</u> dalam banyak perkara.</p> <p>Sejak kecil, mereka telah diasuh ibu dan bapa mereka supaya sentiasa berhati-hati apabila bercakap. Ini akan dapat mengelakkan daripada pergaduhan atau perselisihan faham antara adik-beradik ataupun rakan-rakan.</p> <p>Rasif dan Firas juga sentiasa digalakkan agar (13) <u>berikhtiar untuk mengatasi masalah</u> dalam persahabatan mereka secara rasional. Mereka selalu ingat pesanan orang tua mereka supaya (14) <u>mempunyai perasaan yang sabar</u> jika ditimpa masalah.</p> <p>Kedua-dua Rasif dan Firas mempunyai cita-cita yang sama. Untuk mencapai impian mereka itu, mereka belajar bersungguh-sungguh dan rajin menelaah pelajaran. Mereka juga sering (15) <u>satu sama lain bantu-membantu</u> agar mendapat markah yang terbaik. Jika salah seorang daripada mereka gagal, seorang lagi akan memberikan motivasi agar terus mencuba.</p>	<p>11 (1) sangat rapat (2) sangat tekad (3) sangat cocok (4) sangat baik hati</p> <p>12 (1) murah hati (2) tolak ansur (3) ringan tulang (4) panjang akal</p> <p>13 (1) cari jalan (2) perah tenaga (3) memerah otak (4) mengorak langkah</p> <p>14 (1) putih hati (2) tahan hati (3) lapang dada (4) panjang akal</p> <p>15 (1) bagai aur dengan tebing (2) seperti garam jatuh di air (3) bagai dakwat dengan kertas (4) seperti pahat dengan penukul</p>
--	--

(lihat halaman sebelah) ↗

KEFAHAMAN (8 markah)

Arahan: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Sains dan teknologi pada masa kini telah berkembang dengan pesat. Pelbagai penyelidikan dijalankan dan pelbagai penemuan baharu telah diperoleh. Segala pembaharuan ini merangkumi pelbagai bidang seperti pertanian, perubatan, pengangkutan, perhubungan dan teknologi maklumat.

Penciptaan mesin bagi beberapa bidang contohnya bidang pertanian dan perikanan telah membawa banyak manfaat kepada manusia. Penggunaan mesin dapat menjimatkan masa dan tenaga manusia serta memudahkan kerja manusia. Secara tidak langsung, produktiviti bagi bidang tersebut turut meningkat.

Teknologi maklumat dapat **menyalurkan** maklumat kepada manusia. Antara teknologi maklumat yang berkesan termasuklah telekomputer, radio, televisyen, telefon dan sebagainya. Penggunaan alat-alat ini mendatangkan kesan positif kepada negara dan seterusnya menaikkan taraf negara kita ke arah negara maju.

Penggunaan teknologi maklumat semakin popular pada masa kini. Komputer dapat membantu manusia untuk menyimpan rekod, mengira dan memudahkan sistem pengurusan. Internet merupakan satu media baharu untuk memendekkan jarak sesama manusia. Dengan adanya internet, berita dan gambar-gambar yang terkini dapat disebarkan dan semua pihak dapat memperoleh maklumat itu selengkapnya menerusi pelbagai alat peranti teknologi maklumat seperti tablet, telefon pintar dan sebagainya. Kita dapat berhubung dengan orang lain atau mendapat maklumat melaluinya.

Selain itu, penciptaan kapal terbang atau pesawat membolehkan manusia menjejaki dunia ini. Kita dapat tiba ke destinasi yang dituju dalam masa yang singkat. Semua ini dapat menyebabkan tenaga yang digunakan berkurangan. Dengan itu, terbukti bahawa kita memperoleh faedah yang berganda-ganda setelah kita memanfaatkan sains dan teknologi.

(lihat halaman sebelah) ↪

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 4, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

16 Penggunaan mesin dalam bidang perikanan dapat _____.

- (1) melahirkan lebih banyak ikan
- (2) meningkatkan tenaga manusia
- (3) membuatkan ikan itu lebih popular
- (4) menjimatkan masa dan tenaga manusia

17 Perenggan keempat menunjukkan bahawa penggunaan teknologi maklumat semakin popular kerana _____.

- (1) merupakan satu media baharu
- (2) merapatkan hubungan manusia
- (3) mempunyai maklumat yang selengkapnya
- (4) terdapat pelbagai alat peranti teknologi maklumat

18 Kapal terbang itu dicipta supaya manusia _____.

- (1) boleh mengenali dunia
- (2) boleh sampai ke destinasi dengan cepat
- (3) dapat mengurangkan tenaga yang digunakan
- (4) dapat memperoleh manfaat yang berganda-ganda

19 Perkataan **menyalurkan** dalam petikan bermaksud _____.

- (1) menyerapkan
- (2) mencurahkan
- (3) menggerakkan
- (4) menyampaikan

(lihat halaman sebelah) ↵

RANGSANGAN GRAFIK (8 markah)

Arahan : Teliti brosur yang berikut.




PEMBUKAAN SYARIKAT UBAH ELOK FUZZY DESIGN




Syarikat kami 100% milik anak Melayu yang profesional dan tulus. Kami pakar dalam rekaan dalaman dan pengubahsuaian bagi rumah HDB, kondominium, privet dan komersial.

**REBUTLAH
PELUANG ISTIMEWA**

**PERCUMA!
ALAT HAWA DINGIN SISTEM 3
ATAU
LED TV BERUKURAN 55"
BAGI SETIAP UBAH ELOK
\$30, 000 KE ATAS**



Lakaran rumah akan disediakan oleh satu-satunya pereka yang berasal dari Timur Tengah di Singapura!



Sebuah ketuhar gelombang mikro akan diberikan kepada 50 pelanggan pertama yang mengambil pakej ubah elok!

15 orang pelanggan akan berpeluang memenangi sebuah jam tangan G-Shock dalam cabutan bertuah yang akan diadakan setiap bulan.

Bagi keterangan lanjut tentang pakej yang ditawarkan, sila hubungi:



Encik Irham Danial
menerusi talian 66880022
atau e-mel kepada
sales@fuzzydesign.dot.sg

Kunjungi Bilik Pameran Kami di :

**188, Sungai Kudat Road,
Singapura 660188.**

**(Syarikat kami terletak berdekatan dengan
Stesen MRT Joo Koon.
Nombor bas ke sana : 188 atau 881)**

Lungsuri laman kami di www.fuzzydesign.com bagi melihat contoh-contoh rekaan dalaman yang pernah kami lakukan.

(lihat halaman sebelah) ↩

Arahan: Berdasarkan brosur di halaman 6, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

20 Brosur ini bertujuan untuk _____.

- (1) memberitahu tentang cabutan bertuah
- (2) melakarkan rumah yang akan diubah elok
- (3) memperkenalkan syarikat ubah elok Fuzzy Design
- (4) memberikan hadiah-hadiah istimewa kepada semua pelanggan

21 Syarikat Fuzzy Design istimewa kerana _____.

- (1) terletak berdekatan dengan stesen MRT
- (2) memberi peluang memenangi cabutan bertuah
- (3) mempunyai pereka yang berasal dari Timur Tengah
- (4) adalah 100% syarikat anak Melayu yang pertama di Singapura

22 Para pengunjung berpeluang mendapatkan ketuhar gelombang mikro jika mereka _____.

- (1) menempah pakej ubah elok \$30 000 ke atas
- (2) merupakan 15 pemenang jam tangan G-Shock
- (3) mengambil bahagian dalam cabutan bertuah yang diadakan
- (4) menjadi 50 pelanggan pertama mengambil pakej ubah elok syarikat itu

23 Maklumat tentang pakej ubah elok yang ditawarkan boleh didapati dengan _____.

- (1) melungsuri laman Fuzzy Design
- (2) menelefon atau menghantar e-mel
- (3) mengunjungi bilik pameran syarikat itu
- (4) menghadirkan diri ke pembukaan syarikat ubah elok Fuzzy Design